

**Najib minta rakyat sokong BN bagi jayakan visi negara maju**  
**The Malaysian Insider**  
**21 April , 2012**

SANDAKAN, 21 April — Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat supaya terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan visi menjadikan Malaysia negara maju dapat dicapai sepenuhnya.

PM Najib: Majlis Perdana Menteri bersama rakyat 1Malaysia. — Foto fail  
Bernama Online melaporkan Perdana Menteri berkata negara memerlukan kepimpinan kuat dan berkebolahan bagi merealisasikan aspirasi Malaysia menjadi negara berstatus maju serta berpendapatan tinggi.

“Pembangkang boleh menawarkan anda matahari, bulan malah galaksi tetapi ini seolah mencabar kebijaksanaan anda,” dipetik Bernama Online.

“Tetapi saya pasti, sekarang anda dapat membezakan perkara yang baik untuk negara dan apa yang boleh dicapai oleh negara,” katanya ketika berucap pada majlis Perdana Menteri Bersama Rakyat 1Malaysia Parlimen Sandakan dan Batu Sapi di sini, semalam.

Katanya negeri-negeri yang ditabir oleh pembangkang seperti Selangor gagal menunaikan janji 32-perkara pada pilihan raya lepas termasuk pengurangan cukai tanah dan elaun bulanan kepada golongan ibu tunggal.

Najib berkata kerajaan Kedah dan Kelantan tidak banyak membawa perubahan manakala pelaburan di Pulau Pinang ketika ini merupakan syarikat yang pernah melabur ketika pemerintahan kerajaan BN di negeri itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan BN mempunyai agenda jelas dalam hala tuju negara dan rekod pencapaian kepimpinan BN sudah teruji semasa krisis ekonomi pada tahun 2009.

Katanya ada pemimpin negara yang keluar daripada kerajaan BN kini menjanjikan pelbagai perubahan untuk rakyat namun tidak melakukan sebarang perubahan ketika masih berkuasa sebelum ini.

Menurut Najib pemimpin berkenaan ketika berada dalam BN menyokong segala langkah kerajaan pada ketika itu namun selepas berada di luar kerajaan, suara pemimpin berkenaan sudah berubah dengan menentang keputusan mereka sendiri dahulu.

Misalnya, Najib berkata Program Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang diperkenalkan oleh beliau ketika menjadi Menteri Pelajaran disokong oleh pemimpin pembangkang yang ketika itu Menteri Kewangan namun hari ini beliau sendiri yang menentanginya.

Malah, katanya pemimpin pembangkang Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng turut menyokong

penubuhan PTPTN dengan mengundinya di Parlimen.

Justeru itu, Najib mengingatkan rakyat supaya tidak menyokong pemimpin yang sentiasa berubah pendirian sebaliknya menyokong pemimpin yang meletakkan kepentingan rakyat daripada segalanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-minta-rakyat-sokong-bn-bagi-jayakan-visi-negara-maju/>